



SOALAN LAZIM (FAQ) PROGRAM SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL PLUS (SLDN PLUS)

- 1. Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Plus telah diumumkan oleh YB Menteri Kewangan semasa perbentangan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020 melibatkan peruntukan sebanyak RM60 juta. Apakah kepentingan program SLDN Plus?**

Program SLDN Plus merupakan inisiatif Kerajaan untuk membangunkan sumber manusia kemahiran melalui platform *Technical & Vocational Education Training (TVET)* secara sistem perantisan yang berstruktur dalam usaha membantu bakal pekerja atau pekerja sedia untuk mendapatkan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran sedia ada serta menarik penglibatan pihak industri dalam TVET. SLDN Plus menyediakan insentif kepada perantis dan PB SLDN yang terlibat dalam pelaksanaan program SLDN.

- 2. Siapakah yang akan mendapat manfaat daripada program SLDN Plus?**

- i. Perantis terdiri dari bakal pekerja atau pekerja sedia yang berhasrat untuk meningkatkan kemahiran/kerjaya.
- ii. Penyedia latihan teori terdiri daripada Institusi Latihan Awam atau Swasta.
- iii. Penyedia Latihan Praktikal terdiri daripada industri atau syarikat (SME, GLC dan MNC).

- 3. Siapakah yang layak mengikuti latihan program ini?**

Bakal pekerja atau pekerja sedia ada yang memenuhi kriteria berikut :

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Berumur sekurang-kurangnya 16 tahun semasa pendaftaran sebagai perantis ke JPK (kiraan umur berdasarkan kepada tahun lahir).
- iii. Sekurang-kurangnya boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

4. Siapakah yang layak mengemukakan permohonan untuk melaksanakan program ini dan bagaimanakah cara untuk memohon?

Semua Pusat Bertauliah (PB) SLDN layak untuk memohon untuk melaksanakan program tertakluk kepada syarat permohonan yang ditetapkan. Permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian melalui www.myspike.my.

5. Bagaimana PB SLDN yang memohon boleh menyemak status permohonan program SLDN Plus ini?

JPK akan memaklumkan keputusan permohonan secara dalam talian melalui www.myspike.my. Pemohon perlu menyemak makluman di portal dari semasa ke semasa.

6. Adakah sebarang bayaran insentif diberikan?

Bayaran Insentif berjumlah RM1,000 sebulan akan diberikan seperti berikut :

- i. Elaun bulanan perantis (perantis) – RM500.
- ii. Insentif bulanan Penyedia Latihan – RM300 bagi setiap perantis yang dilatih.
- iii. Insentif bulanan Syarikat / Industri – RM200 bagi setiap perantis yang dilatih.

7. Berapakah tempoh latihan yang boleh ditawarkan oleh PB SLDN?

PB SLDN yang diluluskan untuk melaksanakan program ini boleh menawarkan latihan seperti berikut:

- i. Tempoh latihan adalah antara dua (2) bulan hingga lapan (8) bulan dan perlu diselesaikan dalam tahun 2021.
- ii. Tarikh tamat latihan hendaklah selewat-lewatnya pada 30 November 2021.

8. Nyatakan jenis program yang boleh dilaksanakan melalui SLDN Plus

Program latihan yang ditawarkan hendaklah berasaskan kepada NOSS melalui mod program persijilan modular dan program persijilan penuh yang dilaksanakan dalam tempoh latihan antara 2 bulan hingga 8 bulan merujuk kepada soalan 7.

9. Bagaimanakah cara untuk mendaftarkan perantis yang layak?

Pendaftaran perantis kepada JPK hendaklah dilaksanakan oleh PB SLDN secara dalam talian melalui www.myspike.my

10. Adakah sebarang yuran pendaftaran yang dikenakan kepada perantis?

JPK mengenakan yuran pendaftaran sebanyak RM100 kepada setiap perantis.

11. Apakah Sijil yang layak diterima oleh perantis?

Perantis yang tamat latihan dan terampil akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pada tahap berkenaan atau Penyata Pencapaian (PC).

12. Adakah sebarang panduan yang perlu dirujuk oleh PB SLDN untuk memohon program ini?

PB SLDN boleh merujuk kepada Panduan Permohonan dan Perlaksanaan Program SLDN Plus melalui laman sesawang JPK www.dsd.gov.my.